



ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2023





ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2023

**KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA**



**ANGGARAN PERBELANJAAN
PERSEKUTUAN 2023**
(24 Februari 2023 jam 4.00 petang)

(Muka surat ini dibiarkan kosong)



MENTERI KEWANGAN MALAYSIA PRAKATA

Saya kemukakan di Dewan yang mulia ini buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023 yang mengandungi Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan berteraskan konsep Malaysia Madani bagi semua Kementerian dan Jabatan membiayai perbelanjaan program, aktiviti dan projek pembangunan pada tahun 2023.

Belanjawan 2023 merupakan langkah pertama dalam menzahirkan kerangka Madani sebagai visi ampuh untuk membawa perubahan bagi membangun semula Malaysia. Selaras dengan tema “Membangun Malaysia Madani”, Belanjawan 2023 dirancang dan digubal berdasarkan enam buah rukun iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, nilai hormat, keyakinan dan ihsan.

Belanjawan 2023 berhasrat untuk memperkasa ekonomi yang menyokong pertumbuhan, melaksana reformasi institusi dan tatakelola baik untuk meraih semula keyakinan, serta menjamin kesejahteraan rakyat berlandaskan prinsip keadilan sosial. Kerajaan Perpaduan komited untuk memberi tumpuan dalam menaik taraf sosioekonomi rakyat dengan memastikan tiada golongan yang tercicir.

Bagi memastikan proses penyediaan belanjawan tahunan lebih inklusif, Kementerian Kewangan (MOF) telah mengadakan majlis dialog untuk membincangkan isu dan mendapatkan cadangan serta input penting. MOF juga mengadakan pelbagai sesi libat urus termasuk jelajah ke negeri-negeri untuk menghimpunkan pandangan daripada pelbagai pihak termasuklah penjawat awam, Kerajaan Negeri, pemain industri, ahli akademik, teknokrat dan orang awam. Portal Cadangan Belanjawan 2023 juga disediakan sebagai salah satu usaha Kerajaan dalam menjadikan proses penyediaan belanjawan tahunan lebih telus dan terbuka dengan penglibatan daripada semua lapisan rakyat.

Antara cadangan yang diambil kira termasuklah berkaitan penyampaian perkhidmatan Kerajaan, penyelenggaraan, pembasmian kemiskinan, kelangsungan hidup golongan rentan, keterjaminan makanan serta pengupayaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Cadangan-cadangan ini telah diperhalusi dan dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada inisiatif di bawah Belanjawan 2023.

Dalam membangunkan sebuah negara bangsa, semua pihak perlu mengambil bahagian dan berani menjadi agen perubahan tanpa meminggirkkan nilai kemanusiaan. Sehubungan dengan itu, semua pihak perlu berganding bahu dalam merealisasi konsep Madani demi mengangkat Malaysia menjadi sebuah negara maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan. Saya yakin maklumat yang terkandung dalam buku ini telah menggariskan hala tuju yang jelas untuk kementerian dan agensi melaksanakan program, aktiviti dan projek pada tahun 2023.


ANWAR IBRAHIM
24 Februari 2023

(Muka surat ini dibiarkan kosong)

ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2023

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS:

(a)	Perbelanjaan Tanggungan	RM	83,392,646,700
(b)	Perbelanjaan Bekalan	RM	<hr/>

RM 289,140,000,000

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN:

(a)	Cara Langsung	RM	95,614,462,300
(b)	Pinjaman	RM	1,385,537,700
(c)	Simpanan Luar Jangka	RM	<hr/>

RM 99,000,000,000

**JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN
PERSEKUTUAN**

RM 388,140,000,000

(Muka surat ini dibiarkan kosong)

KANDUNGAN

						MUKA SURAT
Prakata	iii
Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023	v
Kandungan	vii
Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023	1
Ringkasan Perbelanjaan Sebenar dan Anggaran Mengurus dan Pembangunan	21

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN SERTA PROGRAM DAN PRESTASI 2023

T.1	Peruntukan Diraja Bagi S.P.B. Yang Di-Pertuan Agong	37
T.2	Elaun-elaun Diraja	38
T.3	Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim	39
T.4	Ketua Audit Negara	41
T.5	Yang di-Pertua Dewan Rakyat	42
T.6	Yang di-Pertua Dewan Negara	43
T.7	Suruhanjaya Pilihan Raya	44
T.8	Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan	45
T.9	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	46
T.10	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	47
T.11	Suruhanjaya Pasukan Polis	48
T.12	Perbendaharaan	49
T.13	Perbelanjaan Kerana Hutang Negara	52
T.14	Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran	54
B.1	PARLIMEN MALAYSIA	61
B.2	PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA	65
B.3	JABATAN AUDIT NEGARA	69
B.4	SURUHANJAYA PILIHAN RAYA	75
B.5	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	81
B/P.6	JABATAN PERDANA MENTERI	89

	KANDUNGAN	MUKA SURAT
B/P.7	JABATAN PERKHIDMATAN AWAM	111
B.8	JABATAN PEGUAM NEGARA	121
B.9	SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA	131
KEMENTERIAN KEWANGAN		
B/P.10	Perbendaharaan	141
B.11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	155
B.12	Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	160
B/P.13	KEMENTERIAN LUAR NEGERI	165
B/P.14	KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA	177
B/P.15	KEMENTERIAN EKONOMI	185
B/P.20	KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI	195
B/P.21	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN	203
B/P.22	KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH	219
B/P.23	KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM	235
B/P.24	KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI	257
B/P.25	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP	271
B/P.26	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI	283
B/P.27	KEMENTERIAN KERJA RAYA	293
B/P.28	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	309
B/P.30	KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	321
B/P.31	KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA	333
B.40	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN	345
B/P.42	KEMENTERIAN KESIHATAN	351

	KANDUNGAN		MUKA SURAT
B/P.43	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN	...	373
B/P.45	KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN	...	385
B/P.46	KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	...	395
B/P.47	KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL	...	405
B/P.48	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	...	417
B/P.60	KEMENTERIAN PERTAHANAN	...	427
B/P.62	KEMENTERIAN DALAM NEGERI	...	437
B/P.63	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	...	451
B/P.64	KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI	...	467
P.70	SIMPANAN LUAR JANGKA	...	481

LAMPIRAN

A	Kumpulan Wang Pembangunan 2022 - Pro-Forma Penyata Penerimaan dan Pembayaran Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022	...	484
B	Kumpulan Wang Pembangunan 2023 - Pro-Forma Penyata Penerimaan dan Pembayaran Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023	...	485
C	Ringkasan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2023 Mengikut Objek Sebagai dan Am	...	487
C-1	Butir-butir Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2023	...	488
D	Ringkasan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2023	...	498
E	Pemberian Sebenar Kepada Kerajaan Negeri Tahun 2021	...	499
F	Jadual Butiran Tahun 2022 Yang Dimansuhkan Daripada Anggaran Pembangunan Tahun 2023	...	500

(Muka surat ini dibiarkan kosong)


Pengenalan

Buku Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan 2023 mengandungi pernyata Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang merangkumi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi semua agensi Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2023.

Peruntukan 2023: Agihan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan

Sejumlah RM388.14 bilion diperakukan di bawah Anggaran Perbelanjaan Persekutuan bagi tahun 2023. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak RM18.80 bilion berbanding Anggaran Perbelanjaan Persekutuan yang sama dibentangkan pada 7 Oktober 2022 bernilai RM369.34 bilion. Bahagian terbesar perbelanjaan berkenaan adalah di bawah Perbelanjaan Bekalan mengambil kira keutamaan Belanjawan 2023 adalah pembaharuan ke arah "**Membangun Malaysia Madani**" berteraskan tonggak utama iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Perbelanjaan Bekalan merupakan antara input utama Kementerian/Jabatan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang pada tahun 2023 berjumlah RM205.75 bilion (53.0%), manakala Perbelanjaan Tanggungan yang merupakan kehendak di bawah Perlembagaan Persekutuan berjumlah RM83.39 bilion (21.5%). Perbelanjaan Pembangunan yang akan menjadi penggerak kepada memperkuuh momentum pemulihran ekonomi bagi 2023 berjumlah RM99.00 bilion (25.5%).


Carta 1 : Agihan Peruntukan Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2023



Peruntukan 2023: Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus

Sejumlah RM289.14 bilion diperuntukkan bagi tahun 2023 untuk menggerak dan melancarkan pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian/Jabatan. Perkhidmatan Awam merupakan input terpenting Kerajaan yang bertindak sebagai penggerak utama kepada pelaksanaan program dan aktiviti dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Oleh yang demikian, emolumen Perkhidmatan Awam Persekutuan disediakan peruntukan sebanyak RM90.76 bilion bagi tahun 2023. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap disediakan peruntukan sebanyak RM164.69 bilion di bawah Perbelanjaan Mengurus.


Carta 2 : Agihan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus 2023



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Mengikut Sektor

Perincian Perbelanjaan Mengurus dipecahkan mengikut sektor yang merangkumi Sektor Pentadbiran, Sektor Ekonomi, Sektor Sosial, Sektor Keselamatan dan Sektor-Sektor Lain yang terdiri daripada Tanggungan Tertentu dan Bayaran Pindahan. Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 memperuntukkan perbelanjaan terbesar di Sektor Sosial diikuti dengan Sektor-Sektor Lain. Sektor-Sektor Lain turut ditingkatkan peruntukan pada tahun 2023 berbanding tahun 2022. Hal ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk terus menyokong pertumbuhan ekonomi dan memberi tumpuan kepada usaha dan tindakan untuk meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.


Carta 3 : Agihan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus 2023 Mengikut Sektor



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Mengikut Sektor Pentadbiran

Sektor Pentadbiran diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM15.83 bilion dengan agihan kepada empat Sub Sektor seperti di **Carta 4**. Sub Sektor Perkhidmatan-perkhidmatan Am menerima agihan peruntukan tertinggi berjumlah RM12.35 bilion yang melibatkan anggaran peruntukan bagi tujuan penyelarasan, pengurusan dan pentadbiran. Peruntukan ini juga merangkumi perbelanjaan bagi keperluan kelengkapan bangunan bagi keperluan pengoperasian Kementerian/Jabatan.


Carta 4 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Sektor Pentadbiran



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Mengikut Sektor Ekonomi

Sektor Ekonomi diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM18.67 bilion dengan agihan kepada sembilan Sub Sektor seperti di **Carta 5**. Sub Sektor Pengangkutan dipertanggungjawabkan dengan peruntukan terbesar di bawah Sektor Ekonomi dengan peruntukan berjumlah RM6.73 bilion bagi perbelanjaan operasi yang melibatkan darat, laut dan udara. Hal ini adalah bertepatan dengan matlamat negara untuk mewujudkan sistem pengangkutan yang cekap, selamat, inklusif dan mampan. Selain itu, Sub Sektor Pertanian merupakan antara penerima peruntukan terbesar di bawah Sektor Ekonomi dengan peruntukan berjumlah RM3.62 bilion selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengukuhkan sektor pertanian bagi memastikan keterjaminan makanan yang mampan. Kerajaan juga akan menggalakkan pengeluaran produk-produk berasaskan pertanian yang bermutu dan bernilai tinggi bagi peluasan industri sokongan kepada sektor ekonomi secara keseluruhannya.

Carta 5 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Sektor Ekonomi




Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Mengikut Sektor Sosial

Sektor Sosial diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM109.34 bilion dan melibatkan pengagihan kepada lapan Sub Sektor seperti di **Carta 6**. Pembangunan modal insan pada semua peringkat merupakan tumpuan utama Kerajaan dalam setiap rancangan pembangunan negara dan ini

diterjemahkan melalui pengagihan peruntukan terbesar di bawah Sub Sektor Pelajaran dan Latihan dengan peruntukan berjumlah RM61.46 bilion. Kerajaan memberi penekanan kepada kepentingan akses sejagat untuk pendidikan berkualiti dengan memberi peningkatan tumpuan kepada pendidikan bakat untuk persiapan masa hadapan. Selain itu, Kerajaan masih kekal memberikan tumpuan kepada aspek kesihatan rakyat dengan memberikan perkhidmatan terbaik dan mudahcapai dengan kos yang rendah. Oleh yang demikian, Kerajaan memperuntukkan Sub Sektor Kesihatan dan Kependudukan dengan peruntukan mengurus berjumlah RM28.37 bilion, iaitu peruntukan kedua tertinggi di bawah Sektor Sosial. Hal ini adalah bertepatan dengan fokus Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti bagi menjamin kesejahteraan rakyat.


Carta 6 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Sektor Sosial



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Mengikut Sektor Keselamatan

Sektor Keselamatan diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM25.98 bilion dengan agihan kepada dua Sub Sektor iaitu Keselamatan Dalam Negeri sebanyak RM14.55 bilion dan Pertahanan RM11.43 bilion seperti di **Carta 7**. Peruntukan bagi Sektor Keselamatan bertepatan dengan peranan Kerajaan untuk memastikan kedaulatan dan keselamatan negara sentiasa dilindungi. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak akan berkompromi dalam hal keselamatan demi memelihara nyawa dan keamanan negara sentiasa terjamin.

Carta 7 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Sektor Keselamatan



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Mengikut Sektor-Sektor Lain


Anggaran Perbelanjaan Mengurus yang disediakan untuk Sektor Tanggungan Tertentu dan Sektor Bayaran Pindahan berjumlah RM119.32 bilion seperti di **Carta 8** dan **Carta 9**. Sektor Tanggungan Tertentu diperuntukkan sebanyak RM77.40 bilion. Sub Sektor Perbelanjaan Kerana Hutang Negara menerima agihan peruntukan terbesar berjumlah RM46.10 bilion mengambil kira peningkatan dalam jumlah pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2023. Bahagian kedua terbesar ialah bagi Sub Sektor Pencen dan Ganjaran berjumlah RM31.07 bilion.

Carta 8 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Sektor Tanggungan Tertentu



Sektor Bayaran Pindahan diperuntukkan sejumlah RM41.92 bilion dan diagihkan kepada empat Sub Sektor seperti di **Carta 9**. Sub Sektor Bayaran Pindahan Lain menerima peruntukan tertinggi iaitu berjumlah RM38.97 bilion di mana pembayaran bagi menampung subsidi tidak langsung antaranya subsidi produk petroleum ekoran perubahan harga minyak mentah dunia yang merupakan komponen perbelanjaan terbesar di bawah Sub Sektor ini.


Carta 9 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Bayaran Pindahan



Arah Aliran Perbelanjaan Mengurus 2019-2023

Bagi tempoh 2019-2023, arah aliran Perbelanjaan Mengurus (termasuk pindahan lebihan hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan) menunjukkan perubahan yang signifikan di antara 2020 hingga 2022 dan meningkat dengan ketara pada tahun 2023 seperti **Carta 10**.

Carta 10 : Arah Aliran Perbelanjaan Mengurus 2019-2023




Nota: 2019-2021 adalah merujuk kepada perbelanjaan sebenar manakala 2022-2023 merujuk kepada peruntukan asal

Perbelanjaan Mengurus 2019-2023 Mengikut Sektor

Perbelanjaan Mengurus dibahagikan kepada Sektor Pentadbiran, Ekonomi, Sosial dan Keselamatan serta Tanggungan Tertentu dan Bayaran Pindahan. Bagi tempoh 2019-2023, perbelanjaan yang terbesar diagihkan kepada Sektor Sosial iaitu secara purata sebanyak 39.0% diikuti oleh Sektor Tanggungan Tertentu sebanyak 27.2%. Sektor-sektor lain menerima peruntukan seperti di **Carta 11**.

Carta 11 : Peratus Perbelanjaan Mengurus Tahun 2019-2023 Mengikut Sektor




Nota: 2019-2021 adalah merujuk kepada perbelanjaan sebenar manakala 2022-2023 merujuk kepada peruntukan asal

Peruntukan 2023: Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

Sejumlah RM99.00 bilion diperuntukkan di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2023 bagi mendokong matlamat Kerajaan untuk memanfaatkan pemulihian ekonomi global. Pecahan utama Anggaran Perbelanjaan Pembangunan adalah seperti di **Carta 12**.


Carta 12: Agihan Perbelanjaan Pembangunan 2023



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 Mengikut Sektor

Perincian Perbelanjaan Pembangunan dipecahkan mengikut sektor yang merangkumi Sektor Pentadbiran, Sektor Ekonomi, Sektor Sosial, Sektor Keselamatan dan Simpanan Luar Jangka (seperti di **Carta 13**). Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 memperuntukkan perbelanjaan terbesar di bawah Sektor Ekonomi bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti melalui pelbagai projek yang sedang dan akan dilaksanakan sekaligus memperkuuh daya tahan ekonomi negara. Belanjawan 2023 akan terus mengutamakan kesejahteraan rakyat dan pembaharuan ekonomi yang menyokong pertumbuhan.


Carta 13 : Agihan Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan 2023 Mengikut Sektor



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 Mengikut Sektor Pentadbiran

Sektor Pentadbiran diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM3.90 bilion dengan agihan kepada dua Sub Sektor seperti di **Carta 14**. Sub Sektor Perkhidmatan-Perkhidmatan Am menerima peruntukan tertinggi berjumlah RM3.36 bilion bagi membiayai projek-projek pengkomputeran dan naik taraf bangunan di Kementerian/Jabatan agar penyampaian perkhidmatan kepada rakyat akan lebih cekap dan teratur.


Carta 14 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 Sektor Pentadbiran



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 Mengikut Sektor Ekonomi

Sektor Ekonomi diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM55.03 bilion dengan agihan kepada 10 Sub Sektor seperti di **Carta 15**. Kerajaan masih memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek-projek kemudahan pengangkutan seperti lebuh raya, pembinaan landasan kereta api dengan peruntukan sebanyak RM17.57 bilion diikuti dengan Sub Sektor Pertanian sebanyak RM3.26 bilion.


Carta 15 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 Sektor Ekonomi



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 Mengikut Sektor Sosial

Sektor Sosial diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM26.55 bilion dengan agihan kepada sembilan Sub Sektor seperti di **Carta 16**. Sub Sektor Pelajaran dan Latihan menerima peruntukan tertinggi berjumlah RM13.56 bilion selaras dengan tumpuan Kerajaan kepada pembangunan modal insan. Selain itu, Sub Sektor Kesihatan dan Kependudukan turut menjadi tumpuan Kerajaan dengan agihan peruntukan berjumlah RM4.92 bilion. Kerajaan sentiasa peka dan prihatin dalam meningkatkan perkhidmatan sektor kesihatan memandangkan ianya berurusan terus kepada rakyat.


Carta 16 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 Sektor Sosial



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 Mengikut Sektor Keselamatan

Sektor Keselamatan diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM11.52 bilion dengan agihan kepada dua Sub Sektor seperti di **Carta 17**. Sub Sektor Pertahanan menerima peruntukan berjumlah RM6.41 bilion melibatkan projek penyenggaraan berskala besar aset-aset ketenteraan dan perolehan aset-aset ketenteraan. Sub Sektor Keselamatan Dalam Negeri menerima peruntukan bagi membiayai projek-projek antaranya di bawah Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Carta 17 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 Sektor Keselamatan



Simpanan Luar Jangka

Baki Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM2.00 bilion disediakan di bawah peruntukan Simpanan Luar Jangka bagi membiayai projek pembangunan yang memerlukan peruntukan tambahan di luar jangkaan.


Komitmen Jaminan dan Liabiliti Kerajaan

Daripada keseluruhan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan berjumlah RM388.14 bilion, sebanyak RM34.87 bilion diperuntukkan bagi membiayai komitmen jaminan dan liabiliti Kerajaan yang merangkumi bayaran *Public Private Partnership*-Unit Kerjasama Awam Swasta (PPP-UKAS) dan bayaran pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan.

Arah Aliran Perbelanjaan Pembangunan 2019-2023

Arah aliran Perbelanjaan Pembangunan bagi tempoh 2019-2023 meningkat berdasarkan kepada trend pelaksanaan projek/program bagi tahun 2019-2023 seperti di **Carta 18**.

Carta 18 : Arah Aliran Perbelanjaan Pembangunan 2019-2023




Nota: 2019-2021 adalah merujuk kepada perbelanjaan sebenar manakala 2022-2023 merujuk kepada peruntukan asal

Perbelanjaan Pembangunan 2019-2023 Mengikut Sektor

Perbelanjaan Pembangunan dibahagikan kepada Sektor Pentadbiran, Ekonomi, Sosial dan Keselamatan serta Simpanan Luar Jangka. Bagi tempoh 2019-2023, perbelanjaan yang terbesar diagihkan kepada dua sektor iaitu Sektor Ekonomi dan Sektor Sosial. Kerajaan sentiasa memberi keutamaan memperkuat momentum pemulihan ekonomi, memperkuat agenda pembangunan mampan serta mewujudkan perlindungan sosial yang lebih baik.

Carta 19 : Peratus Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2019-2023 Mengikut Sektor



Nota: 2019-2021 adalah merujuk kepada perbelanjaan sebenar manakala 2022-2023 merujuk kepada peruntukan asal

Pemetaan Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan kepada Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals – SDG*)

Dalam memastikan proses pelaksanaan SDG dilaksanakan dengan jayanya, Kerajaan meneruskan pemetaan peruntukan Belanjawan 2023 mengikut SDG. Hal ini bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk memantau pencapaian dan mengenal pasti jurang pembiayaan mengikut SDG selain membantu pencapaian kemajuan Malaysia dalam Agenda Pembangunan Mampan 2030. Merujuk kepada **Jadual 1**, kesemua SDG menerima peningkatan peruntukan pada tahun 2023 kecuali SDG 2 dan SDG 11 yang mengalami pengurangan peruntukan berbanding tahun 2022. SDG 10 berkaitan Pengurangan dan Ketidaksamarataan menerima penambahan yang ketara sejajar dengan tumpuan dasar Kerajaan untuk memastikan kemakmuran ekonomi dinikmati bersama dengan pertumbuhan ekonomi di kalangan isi rumah terendah sebagai sasaran untuk meningkatkan kesejahteraan mereka dari semasa ke semasa. Hal ini bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk membantu golongan rentan agar diberikan perlindungan sosial yang sewajarnya.


Jadual 1 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Mengikut SDG

SDG	Peruntukan Asal (RM bilion)	2022			2023		
		Syor (RM bilion)	Bahagian (%)	Perubahan (%)	Syor (RM bilion)	Bahagian (%)	Perubahan (%)
Matlamat 1 Tiada Kemiskinan	7.3	8.2	2.1	12.3			
Matlamat 2 Kebuluran Sifar	5.5	5.3	1.4	(3.6)			
Matlamat 3 Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik	37.7	43.4	11.2	15.1			
Matlamat 4 Pendidikan Berkualiti	74.5	79.4	20.6	6.6			
Matlamat 5 Kesaksamaan Gender	2.7	3.0	0.8	11.1			
Matlamat 6 Air Bersih dan Sanitasi	5.3	5.6	1.5	5.7			
Matlamat 7 Tenaga Mampu Bayar dan Bersih	3.5	3.8	1.0	8.6			
Matlamat 8 Kerja Wajar dan Pertumbuhan Ekonomi	24.0	38.3	9.9	59.6			
Matlamat 9 Industri Inovasi dan Infrastruktur	29.8	33.3	8.6	11.7			
Matlamat 10 Pengurangan dan Ketidaksamarataan	12.0	51.2	13.3	326.7			
Matlamat 11 Bandar dan Komuniti Mampan	24.3	24.0	6.2	(1.2)			
Matlamat 12 Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab	4.6	4.9	1.3	6.5			
Matlamat 13 Tindakan Iklim	3.3	3.8	0.9	15.2			
Matlamat 14 Hidupan Dalam Air	2.9	3.2	0.8	10.3			
Matlamat 15 Hidupan di Daratan	3.7	3.9	1.0	5.4			
Matlamat 16 Keamanan, Keadilan dan Keutuhan Institusi	64.5	69.9	18.1	8.4			
Matlamat 17 Kerjasama Demi Matlamat	3.5	4.9	1.3	40.0			
JUMLAH KESELURUHAN		309.1	386.1	100.0	24.9		

Berdasarkan **Carta 20** pula, agihan terbesar bagi Peruntukan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2023 mengikut pemetaan SDG adalah kepada SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) sebanyak 20.6% daripada keseluruhan peruntukan, diikuti dengan SDG 16 (Keamanan, Keadilan dan Keutuhan Institusi) sebanyak 18.1% dan SDG 10 (Pengurangan dan Ketidaksamarataan) sebanyak 13.3%. Peruntukan yang tinggi bagi ketiga-tiga

SDG lebih tertumpu kepada menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti bagi memastikan pembelajaran yang berkesan dengan menyediakan kemahiran dan pengetahuan agar dapat memenuhi aspirasi negara untuk menghasilkan peningkatan daripada segi sosial, ekonomi dan kesihatan seluruh rakyat. Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa memberi tumpuan untuk mewujudkan kemudahan asas pembelajaran di setiap peringkat pendidikan sama ada sekolah rendah, menengah ataupun universiti. Selain itu, Kerajaan turut memperkuatkannya sistem kesihatan dengan memberi tumpuan kepada menaiktaraf fasiliti-fasiliti kesihatan agar rakyat dapat menikmati kemudahan dan manfaat sewajarnya.

Carta 20 : Agihan Anggaran Peruntukan 2022 dan 2023 Mengikut SDG




Nota: Tidak termasuk Simpanan Luar Jangka berjumlah RM2 bilion

Sepertimana komitmen Kerajaan dalam meningkatkan kecekapan tadbir urus serta tatakelola yang baik, Kerajaan akan menstruktur semula ekonomi negara berlandaskan kepada tiga keutamaan strategik iaitu membasmi kemiskinan, penyusunan semula ekonomi dan memulih serta menjana ekonomi berteraskan konsep Malaysia Madani.

Anggaran Peruntukan Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Tahun 2023

Pemberian dan bantuan kewangan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri disediakan di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus yang merangkumi 13 jenis pemberian dan bantuan yang dianggarkan berjumlah RM8.36 bilion bagi tahun 2023, meningkat sebanyak 6.8% berbanding tahun 2022 (RM7.79 bilion).

Carta 21 : Agihan Anggaran Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Tahun 2023



(Muka surat ini dibiarkan kosong)

RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN

(Muka surat ini dibiarkan kosong)

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN MENGURUS
DAN PEMBANGUNAN**

	<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Anggaran Asal</i>	<i>Anggaran</i>
		2020	2021	2022	2023
		RM	RM	RM	RM
T.1	Peruntukan Diraja Bagi S.P.B. Yang di-Pertuan Agong -				
	Emolumen	7,743,075	7,602,000	7,602,000	6,000,000
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	5,789,860	5,930,957	5,931,000	7,533,000
	Jumlah	..	13,532,935	13,532,957	13,533,000
T.2	Elaun-elaun Diraja -				
	Emolumen	1,246,090	1,246,090	1,337,000	1,337,000
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	0	0	0	0
	Jumlah	..	1,246,090	1,246,090	1,337,000
T.3	Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim -				
	Emolumen	81,564,839	81,933,428	87,510,000	89,694,000
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	16,470,956	15,815,933	22,490,000	25,306,000
	Jumlah	..	98,035,795	97,749,360	110,000,000
T.4	Ketua Audit Negara -				
	Emolumen	479,558	482,337	480,100	478,100
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	78,879	147,804	356,600	422,300
	Jumlah	..	558,437	630,141	836,700
T.5	Yang di-Pertua Dewan Rakyat -				
	Emolumen	927,770	1,054,287	564,000	564,000
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	351,962	390,970	0	0
	Jumlah	..	1,279,732	1,445,257	564,000
T.6	Yang di-Pertua Dewan Negara -				
	Emolumen	825,869	1,014,585	504,000	504,000
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	280,581	240,350	0	0
	Jumlah	..	1,106,450	1,254,935	504,000
T.7	Suruhanjaya Pilihan Raya -				
	Emolumen	2,220,299	2,250,084	2,161,600	2,250,100
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	292,875	0	303,700	215,200
	Jumlah	..	2,513,174	2,250,084	2,465,300
T.8	Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan -				
	Emolumen	0	0	0	0
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	7,800	10,100	11,000	11,600
	Jumlah	..	7,800	10,100	11,000

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN MENGURUS
DAN PEMBANGUNAN**

	<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Anggaran Asal</i>	<i>Anggaran</i>
		2020	2021	2022	2023
		RM	RM	RM	RM
T.9	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam - Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	4,400,312 959,852	4,262,119 403,423	4,947,800 2,392,200	4,279,900 2,011,700
	Jumlah ..	5,360,164	4,665,542	7,340,000	6,291,600
T.10	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan - Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	3,984,422 278,979	3,931,651 611,119	4,065,100 1,189,400	4,070,900 1,183,600
	Jumlah ..	4,263,401	4,542,770	5,254,500	5,254,500
T.11	Suruhanjaya Pasukan Polis - Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1,518,046 252,502	1,299,403 238,029	1,518,800 450,700	1,518,900 613,300
	Jumlah ..	1,770,548	1,537,432	1,969,500	2,132,200
T.12	Perpendaharaan - Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	0 6,224,062,592	0 6,215,534,121	0 6,343,326,200	0 6,644,653,100
	Jumlah ..	6,224,062,592	6,215,534,121	6,343,326,200	6,644,653,100
T.13	Perbelanjaan Kerana Hutang Negara - Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	0 34,494,802,361	0 38,069,066,870	0 43,100,000,000	0 46,100,000,000
	Jumlah ..	34,494,802,361	38,069,066,870	43,100,000,000	46,100,000,000
T.14	Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran - Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	0 26,392,152,149	0 28,037,451,484	0 27,500,000,000	0 30,500,000,000
	Jumlah ..	26,392,152,149	28,037,451,484	27,500,000,000	30,500,000,000
Ringkasan Maksud Tanggungan					
	Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	104,910,280 67,135,781,349	105,075,984 72,345,841,160	110,690,400 76,976,450,800	110,696,900 83,281,949,800
	Jumlah Maksud Tanggungan	67,240,691,629	72,450,917,144	77,087,141,200	83,392,646,700

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN MENGURUS
DAN PEMBANGUNAN**

	<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Anggaran Asal</i>	<i>Anggaran</i>
		2020	2021	2022	2023
		RM	RM	RM	RM
B.1	Parlimen Malaysia - Mengurus Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	126,832,937 95,008,940 31,823,997	133,721,052 94,558,797 39,162,255	148,382,900 103,553,000 44,829,900	166,731,200 99,195,700 67,535,500
	Jumlah ..	126,832,937	133,721,052	148,382,900	166,731,200
B.2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja - Mengurus Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1,812,921 1,022,624 790,297	1,950,307 1,067,114 883,193	2,500,000 1,106,400 1,393,600	3,604,700 1,133,400 2,471,300
	Jumlah ..	1,812,921	1,950,307	2,500,000	3,604,700
B.3	Jabatan Audit Negara - Mengurus Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	138,751,376 112,070,127 26,681,249	142,060,485 114,979,241 27,081,244	154,467,500 123,292,200 31,175,300	160,837,500 122,939,900 37,897,600
	Jumlah ..	138,751,376	142,060,485	154,467,500	160,837,500
B.4	Suruhanjaya Pilihan Raya - Mengurus Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	166,152,358 37,584,178 128,568,180	267,720,359 38,738,325 228,982,034	188,676,800 40,456,300 148,220,500	65,543,300 40,230,500 25,312,800
	Jumlah ..	166,152,358	267,720,359	188,676,800	65,543,300
B.5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam - Mengurus Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	34,379,786 22,783,047 11,596,739	34,077,757 23,761,028 10,316,729	41,622,000 24,929,900 16,692,100	42,380,200 25,311,600 17,068,600
	Jumlah ..	34,379,786	34,077,757	41,622,000	42,380,200
B.6	Jabatan Perdana Menteri - Mengurus Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	3,729,842,081 1,211,585,334 2,518,256,747	4,110,051,455 1,272,855,001 2,837,196,454	4,318,282,600 1,176,206,500 3,142,076,100	4,333,910,300 1,170,470,900 3,163,439,400
P.6	Pembangunan Cara Langsung Pinjaman	5,058,599,721 5,058,599,721 0	5,890,200,634 5,888,580,609 1,620,025	6,060,634,400 6,010,634,400 50,000,000	7,488,334,100 7,428,334,100 60,000,000
	Jumlah ..	8,788,441,802	10,000,252,089	10,378,917,000	11,822,244,400
B.7	Jabatan Perkhidmatan Awam - Mengurus Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1,623,920,321 241,089,339 1,382,830,982	905,925,532 242,327,556 663,597,976	466,501,600 264,304,600 202,197,000	471,501,600 263,577,000 207,924,600
P.7	Pembangunan Cara Langsung	17,730,011 17,730,011	853,720,488 853,720,488	983,135,000 983,135,000	1,003,350,000 1,003,350,000
	Jumlah ..	1,641,650,332	1,759,646,020	1,449,636,600	1,474,851,600

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN MENGURUS
DAN PEMBANGUNAN**

	<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Anggaran Asal</i>	<i>Anggaran</i>
		2020	2021	2022	2023
		RM	RM	RM	RM
B.8	Jabatan Peguam Negara - Mengurus Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	165,510,334 130,754,515 34,755,819	164,256,314 133,564,954 30,691,360	182,181,600 139,000,000 43,181,600	198,343,100 149,102,800 49,240,300
	Jumlah ..	165,510,334	164,256,314	182,181,600	198,343,100
B.9	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia - Mengurus Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	265,848,905 189,350,547 76,498,358	272,153,032 195,926,879 76,226,153	303,871,600 212,916,200 90,955,400	312,415,600 220,381,200 92,034,400
	Jumlah ..	265,848,905	272,153,032	303,871,600	312,415,600
KEMENTERIAN KEWANGAN					
B.10	Perpendaharaan - Mengurus Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	3,937,798,292 1,085,970,387 2,851,827,905	4,490,366,116 1,132,211,807 3,358,154,309	3,925,875,500 1,118,711,900 2,807,163,600	4,200,000,000 1,131,166,500 3,068,833,500
P.10	Pembangunan Cara Langsung Pinjaman	9,319,612,665 9,319,612,665 0	12,912,106,548 12,912,106,548 0	13,926,410,900 13,926,410,900 0	24,082,396,800 24,082,396,800 0
	Jumlah ..	13,257,410,957	17,402,472,664	17,852,286,400	28,282,396,800
B.11	Perkhidmatan Am Perpendaharaan - Mengurus Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	16,049,258,467 5,227,855 16,044,030,612	19,550,414,125 15,736,368 19,534,677,757	10,635,228,700 0 10,635,228,700	51,681,721,500 0 51,681,721,500
	Jumlah ..	16,049,258,467	19,550,414,125	10,635,228,700	51,681,721,500
B.12	Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun - Mengurus Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	2,122,455,193 2,122,455,193	4,724,034,117 4,724,034,117	1,385,330,400 1,385,330,400	1,443,074,500 1,443,074,500
	Jumlah ..	2,122,455,193	4,724,034,117	1,385,330,400	1,443,074,500
	Mengurus Emolumen Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	22,109,511,952 1,091,198,242 21,018,313,710	28,764,814,358 1,147,948,176 27,616,866,182	15,946,434,600 1,118,711,900 14,827,722,700	57,324,796,000 1,131,166,500 56,193,629,500
	Pembangunan Cara Langsung Pinjaman	9,319,612,665 9,319,612,665 0	12,912,106,548 12,912,106,548 0	13,926,410,900 13,926,410,900 0	24,082,396,800 24,082,396,800 0
	Jumlah Kementerian Kewangan	31,429,124,617	41,676,920,906	29,872,845,500	81,407,192,800

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN MENGURUS
DAN PEMBANGUNAN**

	<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Anggaran Asal</i>	<i>Anggaran</i>
		2020	2021	2022	2023
		RM	RM	RM	RM
KEMENTERIAN LUAR NEGERI					
B.13	Kementerian Luar Negeri - Mengurus	645,958,717	660,490,312	755,304,100	809,613,800
	Emolumen	335,720,638	345,932,468	378,740,600	402,830,200
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	310,238,079	314,557,844	376,563,500	406,783,600
P.13	Pembangunan	52,906,307	44,358,008	108,202,300	161,520,300
	Cara Langsung	52,906,307	44,358,008	108,202,300	161,520,300
	Jumlah Kementerian Luar Negeri	698,865,024	704,848,320	863,506,400	971,134,100
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA					
B.14	Kementerian Perpaduan Negara - Mengurus	222,000,051	319,326,612	528,078,600	541,595,300
	Emolumen	74,108,842	121,797,178	196,784,100	197,954,200
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	147,891,209	197,529,434	331,294,500	343,641,100
P.14	Pembangunan	45,382,046	68,844,635	27,089,000	29,746,200
	Cara Langsung	45,382,046	68,844,635	27,089,000	29,746,200
	Jumlah Kementerian Perpaduan Negara	267,382,097	388,171,247	555,167,600	571,341,500
KEMENTERIAN EKONOMI *					
B.15	Kementerian Ekonomi - Mengurus	177,098,656	0	470,308,400	535,476,300
	Emolumen	63,880,225	0	205,000,000	202,105,600
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	113,218,431	0	265,308,400	333,370,700
P.15	Pembangunan	607,722,403	0	2,396,661,900	4,200,854,700
	Cara Langsung	607,722,403	0	2,169,661,900	4,040,854,700
	Pinjaman	0	0	227,000,000	160,000,000
	Jumlah Kementerian Ekonomi	784,821,059	0	2,866,970,300	4,736,331,000
KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI					
B.20	Kementerian Perladangan dan Komoditi - Mengurus	250,388,500	333,707,518	417,482,300	397,000,000
	Emolumen	22,164,921	22,705,431	23,662,400	25,065,100
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	228,223,579	311,002,087	393,819,900	371,934,900
P.20	Pembangunan	313,853,022	203,375,027	253,950,000	274,697,000
	Cara Langsung	298,853,022	153,375,027	193,950,000	224,697,000
	Pinjaman	15,000,000	50,000,000	60,000,000	50,000,000
	Jumlah Kementerian Perladangan dan Komoditi	564,241,522	537,082,545	671,432,300	671,697,000

* B/P. 15 Kementerian Ekonomi dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pada tahun 2019 dan 2020

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN MENGURUS
DAN PEMBANGUNAN**

	<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Anggaran Asal</i>	<i>Anggaran</i>
		2020	2021	2022	2023
		RM	RM	RM	RM
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN					
B.21	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan -				
	Mengurus	3,101,618,071	3,247,104,357	3,276,928,300	3,775,105,000
	Emolumen	457,903,667	471,562,358	485,718,500	499,282,100
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	2,643,714,404	2,775,541,999	2,791,209,800	3,275,822,900
P.21	Pembangunan	952,468,239	1,322,157,180	1,531,528,700	1,619,107,300
	Cara Langsung	952,468,239	1,262,157,180	1,331,528,700	1,455,107,300
	Pinjaman	0	60,000,000	200,000,000	164,000,000
	Jumlah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	4,054,086,310	4,569,261,537	4,808,457,000	5,394,212,300
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH					
B.22	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah -				
	Mengurus	2,944,509,143	2,931,687,990	3,520,264,300	3,616,367,700
	Emolumen	433,229,967	428,726,908	455,866,100	457,989,400
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	2,511,279,176	2,502,961,082	3,064,398,200	3,158,378,300
P.22	Pembangunan	5,158,150,225	5,305,459,327	7,016,184,500	7,424,419,200
	Cara Langsung	4,998,759,583	4,896,525,077	6,640,924,500	7,366,019,200
	Pinjaman	159,390,642	408,934,250	375,260,000	58,400,000
	Jumlah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	8,102,659,368	8,237,147,317	10,536,448,800	11,040,786,900
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM					
B.23	Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim -				
	Mengurus	1,121,976,339	1,043,916,435	1,686,450,500	1,674,694,400
	Emolumen	477,785,237	453,087,995	779,814,700	776,074,700
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	644,191,102	590,828,440	906,635,800	898,619,700
P.23	Pembangunan	952,445,415	530,108,242	4,346,372,400	4,864,765,400
	Cara Langsung	849,484,933	530,108,242	3,550,755,400	4,093,127,700
	Pinjaman	102,960,482	0	795,617,000	771,637,700
	Jumlah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	2,074,421,754	1,574,024,677	6,032,822,900	6,539,459,800
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI					
B.24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri -				
	Mengurus	629,935,782	561,835,164	585,753,000	625,096,500
	Emolumen	71,022,197	71,593,854	79,548,200	84,921,900
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	558,913,585	490,241,310	506,204,800	540,174,600
P.24	Pembangunan	627,655,975	536,669,753	628,770,000	960,450,000
	Cara Langsung	619,297,154	517,530,566	603,270,000	938,950,000
	Pinjaman	8,358,821	19,139,187	25,500,000	21,500,000
	Jumlah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	1,257,591,757	1,098,504,917	1,214,523,000	1,585,546,500

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN MENGURUS
DAN PEMBANGUNAN**

	<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Anggaran Asal</i>	<i>Anggaran</i>
		2020	2021	2022	2023
		RM	RM	RM	RM
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP					
B.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup - Mengurus	1,104,355,730	1,624,248,682	1,094,676,700	1,191,811,400
	Emolumen	193,013,907	196,213,371	198,921,900	201,381,300
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	911,341,823	1,428,035,311	895,754,800	990,430,100
P.25	Pembangunan	43,515,803	44,220,409	58,710,000	60,800,000
	Cara Langsung	43,515,803	44,220,409	58,710,000	60,800,000
	Jumlah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	1,147,871,533	1,668,469,091	1,153,386,700	1,252,611,400
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI					
B.26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi - Mengurus	211,204,646	187,598,353	195,036,300	212,141,400
	Emolumen	38,228,449	39,784,138	42,127,100	42,506,500
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	172,976,197	147,814,215	152,909,200	169,634,900
P.26	Pembangunan	319,624,137	333,544,079	355,830,500	520,210,400
	Cara Langsung	319,624,137	333,544,079	355,830,500	520,210,400
	Jumlah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	530,828,783	521,142,432	550,866,800	732,351,800
KEMENTERIAN KERJA RAYA					
B.27	Kementerian Kerja Raya - Mengurus	1,176,335,346	866,482,739	823,509,000	865,271,900
	Emolumen	580,618,291	594,493,438	616,885,900	617,451,400
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	595,717,055	271,989,301	206,623,100	247,820,500
P.27	Pembangunan	5,579,226,894	4,787,529,248	6,483,379,000	7,573,788,300
	Cara Langsung	4,133,542,094	4,676,529,248	6,233,379,000	7,473,788,300
	Pinjaman	1,445,684,800	111,000,000	250,000,000	100,000,000
	Jumlah Kementerian Kerja Raya	6,755,562,240	5,654,011,987	7,306,888,000	8,439,060,200
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN					
B.28	Kementerian Pengangkutan - Mengurus	1,594,979,876	1,426,910,776	1,526,793,800	1,544,627,300
	Emolumen	519,057,213	523,778,461	544,381,400	557,949,300
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1,075,922,663	903,132,314	982,412,400	986,678,000
P.28	Pembangunan	3,283,192,126	3,294,207,440	4,053,603,700	4,537,356,800
	Cara Langsung	3,283,192,126	3,294,207,440	4,053,603,700	4,537,356,800
	Pinjaman	0	0	0	0
	Jumlah Kementerian Pengangkutan	4,878,172,002	4,721,118,216	5,580,397,500	6,081,984,100

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN MENGURUS
DAN PEMBANGUNAN**

	<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Anggaran Asal</i>	<i>Anggaran</i>
		2020	2021	2022	2023
		RM	RM	RM	RM
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI					
B.30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi -				
	Mengurus	481,170,537	510,193,881	524,775,300	673,501,200
	Emolumen	253,017,056	192,215,049	215,780,100	227,343,500
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	228,153,481	317,978,832	308,995,200	446,157,700
P.30	Pembangunan	374,834,345	377,353,656	390,721,500	440,747,800
	Cara Langsung	362,096,345	377,353,656	390,721,500	440,747,800
	Pinjaman	12,738,000	0	0	0
	Jumlah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	856,004,882	887,547,537	915,496,800	1,114,249,000
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA					
B.31	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya -				
	Mengurus	822,740,731	652,312,890	822,370,500	837,175,600
	Emolumen	158,553,573	159,581,411	90,826,400	90,471,400
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	664,187,158	492,731,479	731,544,100	746,704,200
P.31	Pembangunan	72,452,452	102,229,770	111,034,000	134,081,100
	Cara Langsung	72,452,452	102,229,770	111,034,000	134,081,100
	Pinjaman	0	0	0	0
	Jumlah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	895,193,183	754,542,660	933,404,500	971,256,700
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN					
B.32	Kementerian Wilayah Persekutuan -				
	Mengurus	284,991,376	243,784,052	0	0
	Emolumen	52,098,264	35,888,282	0	0
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	232,893,112	207,895,770	0	0
P.32	Pembangunan	543,491,612	404,277,602	0	0
	Cara Langsung	543,491,612	404,277,602	0	0
	Jumlah Kementerian Wilayah Persekutuan	828,482,988	648,061,654	0	0
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR					
B.33	Kementerian Alam Sekitar dan Air -				
	Mengurus	298,384,570	546,967,589	0	0
	Emolumen	177,805,616	278,028,724	0	0
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	120,578,954	268,938,865	0	0
P.33	Pembangunan	2,065,455,683	2,240,728,040	0	0
	Cara Langsung	1,780,690,318	1,909,977,543	0	0
	Pinjaman	284,765,365	330,750,497	0	0
	Jumlah Kementerian Alam Sekitar dan Air	2,363,840,253	2,787,695,629	0	0

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN MENGURUS
DAN PEMBANGUNAN**

	<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Anggaran Asal</i>	<i>Anggaran</i>
		2020	2021	2022	2023
		RM	RM	RM	RM
B.40	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan - Mengurus	15,216,580	16,601,630	18,065,900	21,142,400
	Emolumen	12,022,143	12,717,845	12,626,200	13,088,100
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	3,194,437	3,883,785	5,439,700	8,054,300
	Jumlah Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	15,216,580	16,601,630	18,065,900	21,142,400
KEMENTERIAN KESIHATAN					
B.42	Kementerian Kesihatan - Mengurus	27,010,111,676	24,650,345,113	28,030,000,000	31,500,000,000
	Emolumen	16,861,262,394	18,042,216,133	17,411,744,800	19,725,512,300
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	10,148,849,282	6,608,128,980	10,618,255,200	11,774,487,700
P.42	Pembangunan	3,834,006,364	8,597,548,827	4,379,629,800	4,827,355,900
	Cara Langsung	3,834,006,364	8,597,548,827	4,379,629,800	4,827,355,900
	Jumlah Kementerian Kesihatan	30,844,118,040	33,247,893,940	32,409,629,800	36,327,355,900
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN					
B.43	Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan - Mengurus	2,855,788,465	1,742,678,864	1,766,200,100	1,774,905,500
	Emolumen	795,317,551	839,399,948	853,113,300	885,372,300
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	2,060,470,914	903,278,916	913,086,800	889,533,200
P.43	Pembangunan	1,463,919,264	2,951,295,211	3,211,546,500	3,558,827,300
	Cara Langsung	1,463,919,264	2,951,295,211	3,211,546,500	3,558,827,300
	Pinjaman	0	0	0	0
	Jumlah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan	4,319,707,729	4,693,974,075	4,977,746,600	5,333,732,800
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN					
B.45	Kementerian Belia dan Sukan - Mengurus	543,307,195	500,714,132	622,025,400	621,098,300
	Emolumen	206,430,908	211,030,744	216,623,700	221,995,800
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	336,876,287	289,683,388	405,401,700	399,102,500
P.45	Pembangunan	259,820,162	230,303,499	329,918,700	423,401,200
	Cara Langsung	259,820,162	230,303,499	329,918,700	423,401,200
	Jumlah Kementerian Belia dan Sukan	803,127,357	731,017,631	951,944,100	1,044,499,500
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA					
B.46	Kementerian Sumber Manusia - Mengurus	742,375,271	750,286,149	835,666,800	845,163,900
	Emolumen	502,942,496	515,903,770	528,877,000	532,200,000
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	239,432,775	234,382,379	306,789,800	312,963,900
P.46	Pembangunan	236,709,819	279,206,386	456,753,200	512,075,400
	Cara Langsung	236,709,819	279,206,386	456,753,200	512,075,400
	Jumlah Kementerian Sumber Manusia	979,085,090	1,029,492,535	1,292,420,000	1,357,239,300

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN MENGURUS
DAN PEMBANGUNAN**

	<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Anggaran Asal</i>	<i>Anggaran</i>
		2020	2021	2022	2023
		RM	RM	RM	RM
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL					
B.47	Kementerian Komunikasi dan Digital - Mengurus	1,019,418,070	1,029,794,346	888,362,300	991,449,100
	Emolumen	354,542,553	367,491,813	361,788,600	367,426,900
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	664,875,517	662,302,533	526,573,700	624,022,200
P.47	Pembangunan Cara Langsung	482,504,357	629,847,488	1,736,829,400	1,745,917,300
		482,504,357	629,847,488	1,736,829,400	1,745,917,300
	Jumlah Kementerian Komunikasi dan Digital	1,501,922,427	1,659,641,834	2,625,191,700	2,737,366,400
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT					
B.48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat - Mengurus	2,231,447,024	2,445,790,165	2,506,876,600	3,196,960,900
	Emolumen	322,854,636	337,844,154	334,677,800	342,498,500
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1,908,592,388	2,107,946,011	2,172,198,800	2,854,462,400
P.48	Pembangunan Cara Langsung	161,736,330	97,574,725	175,421,900	220,187,800
		161,736,330	97,574,725	175,421,900	220,187,800
	Jumlah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	2,393,183,354	2,543,364,890	2,682,298,500	3,417,148,700
KEMENTERIAN PERTAHANAN					
B.60	Kementerian Pertahanan - Mengurus	11,032,382,925	11,053,563,023	11,105,479,300	11,414,091,900
	Emolumen	7,780,841,792	7,814,688,388	7,926,091,400	8,064,928,200
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	3,251,541,132	3,238,874,636	3,179,387,900	3,349,163,700
P.60	Pembangunan Cara Langsung	3,147,546,765	4,166,681,856	5,039,242,700	6,332,150,600
		3,147,546,765	4,166,681,856	5,039,242,700	6,332,150,600
	Jumlah Kementerian Pertahanan	14,179,929,690	15,220,244,879	16,144,722,000	17,746,242,500
KEMENTERIAN DALAM NEGERI					
B.62	Kementerian Dalam Negeri - Mengurus	12,947,203,724	12,958,185,688	13,513,284,200	13,803,000,000
	Emolumen	9,521,276,468	9,763,244,908	9,652,274,000	9,864,748,900
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	3,425,927,256	3,194,940,780	3,861,010,200	3,938,251,100
P.62	Pembangunan Cara Langsung	2,292,628,097	2,995,888,513	3,576,125,100	4,713,559,100
		2,292,628,097	2,995,888,513	3,576,125,100	4,713,559,100
	Jumlah Kementerian Dalam Negeri	15,239,831,821	15,954,074,201	17,089,409,300	18,516,559,100

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN MENGURUS
DAN PEMBANGUNAN**

	<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar</i>	<i>Anggaran Asal</i>	<i>Anggaran</i>
		2020	2021	2022	2023
		RM	RM	RM	RM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN					
B.63	Kementerian Pendidikan - Mengurus	50,912,071,262	45,319,772,660	47,590,933,700	49,500,000,000
	Emolumen	38,727,631,673	39,463,549,776	40,347,107,400	41,751,612,100
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	12,184,439,590	5,856,222,884	7,243,826,300	7,748,387,900
P.63	Pembangunan	2,694,985,585	2,641,332,773	5,034,128,600	5,690,794,700
	Cara Langsung	2,694,985,585	2,641,332,773	5,034,128,600	5,690,794,700
	Jumlah Kementerian Pendidikan	53,607,056,847	47,961,105,433	52,625,062,300	55,190,794,700
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI					
B.64	Kementerian Pendidikan Tinggi - Mengurus	5,094,722,379	10,880,108,118	11,546,744,200	11,700,000,000
	Emolumen	765,651,346	1,179,223,201	1,262,878,800	1,278,525,500
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	4,329,071,033	9,700,884,917	10,283,865,400	10,421,474,500
P.64	Pembangunan	1,397,679,940	2,415,896,391	2,928,186,300	3,599,105,300
	Cara Langsung	1,397,679,940	2,415,896,391	2,928,186,300	3,599,105,300
	Jumlah Kementerian Pendidikan Tinggi	6,492,402,319	13,296,004,509	14,474,930,500	15,299,105,300
Ringkasan					
	Perbelanjaan Mengurus -				
	Emolumen	82,996,339,196	85,853,502,802	86,537,027,800	90,765,441,600
	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	142,078,608,046	147,898,552,227	146,954,404,200	198,374,558,400
	Jumlah Perbelanjaan Mengurus	225,074,947,242	233,752,055,029	233,491,432,000	289,140,000,000
P.70					
	Perbelanjaan Pembangunan -				
	Cara Langsung	49,330,957,654	63,275,221,796	73,616,623,000	95,614,462,300
	Pinjaman	2,028,898,110	981,443,959	1,983,377,000	1,385,537,700
	Simpanan Luar Jangka	0	0	2,000,000,000	2,000,000,000
	Jumlah Perbelanjaan Pembangunan -	51,359,855,764	64,256,665,755	77,600,000,000	99,000,000,000
	JUMLAH BESAR	276,434,803,006	298,008,720,784	311,091,432,000	388,140,000,000

(Muka surat ini dibiarkan kosong)

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN SERTA PROGRAM PRESTASI 2023

(Muka surat ini dibiarkan kosong)

PERBELANJAAN TANGGUNGAN

PERBELANJAAN TANGGUNGAN

RM

T.1	- PERUNTUKAN DIRAJA BAGI S.P.B. YANG DI-PERTUAN AGONG	13,533,000
